

Malaysia pandang berat arah radikal gerakan kecuali—Dr.M

UM 12 MAR 1985

KUALA LUMPUR 11 Mac — Malaysia malam ini melahirkan pandangan beratnya terhadap kecenderungan pergerakan negara - negara berkecuali akhir-akhir ini yang bergerak ke arah fahaman radikal dan bergabung secara bersembunyi.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hanya dengan mengikuti haluan berkecu-

li, barulah kewibawaan pergerakan itu dapat dipertahankan.

Beliau berucap demikian di majlis jamuan rasmi meraikan Perdana Menteri Yugoslavia yang sedang melawat negara ini, Puan Milka Planinc.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau gembira mendapati Belgrade dan Kuala Lumpur sama-sama terasa bimbang dan telah

melahirkan hasrat untuk melihat pergerakan itu kembali kepada matlamat dan prinsip asalnya.

Beliau berkata Malaysia yakin Yugoslavia, sebagai salah sebuah negara pengasas pergerakan negara berkecuali yang paling dihormati, akan melakukan segala usaha bagi menentukan prinsip asal pergerakan itu dikekalkan.

"Peranan positif yang di-

mainkan oleh Yugoslavia, khususnya oleh mendiang Presiden Tito, ke arah kemajuan, pembangunan dan perpaduan pergerakan itu akan sentiasa diingati dan disanjung oleh semua negara anggota," ujar beliau.

Mengenai Kampuchea, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia menghargai sokongan Yugoslavia terhadap kerajaan campuran

demokratik Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk.

Kedaulatan nasional dan kewibawaan wilayah Kampuchea telah dicerobohi dengan perbuatan sewenang-wenangnya yang mengakibatkan keamanan dan kestabilan Asia Tenggara terancam.

Beliau berkata cadangan negara ini bagi pewujudan kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini serupa dengan peranan Belgrade dalam menggesa pelaksanaan fasal - fasal dalam dokumen muktamad persidangan keselamatan dan kerjasama di Eropah.

Mengenai perlucutan senjata, beliau berkata sementara sejumlah besar wang dan sumber telah disalurkan untuk pembangunan dan pengeluaran senjata nuklear dan konvensional, kemiskinan dan keburlaran masih melanda beratus - ratus juta penduduk dunia.

Semua negara berkenaan hendaklah membarui komitmen terhadap program menyeluruh perlucutan senjata secara am, katanya.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai perlunya usaha yang lebih besar di peringkat antarabangsa dalam membantu rakyat Palestin mendapatkan hak mereka yang sah untuk tinggal di tanahair mereka sendiri dan pengunduran tentera asing dari Afghanistan bagi membolehkan rakyatnya menikmati semula kemerdekaan dan kedaulatan.